

D.R. 2/2000

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Institut Teknologi MARA 1976.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Institut Teknologi MARA (Pindaan) 2000.

(2) Akta ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 26 Ogos 1999.

Tafsiran tarikh permulaan kuat kuasa

2. Bagi maksud Akta ini, “tarikh permulaan kuat kuasa” ertinya tarikh yang dinyatakan dalam subseksyen 1(2).

Pindaan am

3. Akta Institut Teknologi MARA 1976 [*Akta 173*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “INSTITUT” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “UNIVERSITI”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “Institut” di mana-mana jua terdapat, kecuali yang terdapat selepas perkataan “Rektor” dan “Lembaga Pengarah” dalam seksyen 3, dengan perkataan “Universiti”.

Pentafsiran sebutan mengenai Akta ibu

4. Jika, pada dan selepas tarikh permulaan kuat kuasa, sesuatu sebutan dibuat dalam mana-mana undang-undang bertulis mengenai “Akta Institut Teknologi MARA 1976”, sebutan itu hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai “Akta Universiti Teknologi MARA 1976”.

Perubahan nama Institut

5. (1) Institut Teknologi MARA yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta ibu hendaklah, pada dan selepas tarikh permulaan kuat kuasa, dikenali sebagai “Universiti Teknologi MARA”.

(2) Segala sebutan mengenai Institut Teknologi MARA dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dalam apa-apa surat cara, surat ikatan, hakmilik, dokumen, bon, perjanjian atau perkiraan kerja yang wujud sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa hendaklah, pada dan selepas tarikh permulaan kuat kuasa, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Universiti Teknologi MARA.

(3) Perubahan nama daripada “Institut Teknologi MARA” kepada “Universiti Teknologi MARA” tidaklah menyentuh apa-apa kuasa, hak, keistimewaan, tanggungan, kewajipan atau obligasi Institut Teknologi MARA, atau menjadikan cacat apa-apa prosiding undang-undang oleh atau terhadapnya.

(4) Prosiding undang-undang yang boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Institut Teknologi MARA sebelum tarikh permulaan kuat kuasa boleh diteruskan atau dimulakan selepas tarikh permulaan kuat kuasa atas nama Universiti Teknologi MARA.

Tanggungan boleh dikuatkuasakan terhadap Universiti

6. Segala tanggungan yang sedia ada yang dilakukan oleh atau bagi pihak atau bagi maksud Institut Teknologi MARA boleh, pada dan selepas tarikh permulaan kuat kuasa, dikuatkuasakan terhadap Universiti Teknologi MARA.

Peletakhakan tanah, harta dan aset pada Universiti

7. (1) Segala tanah, harta dan aset yang sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa terletak hak pada atau dirizabkan bagi Institut

Teknologi MARA atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa, terletak hak pada atau dirizabkan bagi Universiti Teknologi MARA atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya tanpa apa-apa pemindahhakan, penyerahhakan, atau pemindahan hakmilik.

(2) Segala tanah, harta dan aset yang terletak hak pada atau dirizabkan bagi Universiti Teknologi MARA menurut kuasa subseksyen (1) hendaklah terletak hak sedemikian pada atau dirizabkan sedemikian bagi Universiti Teknologi MARA dengan hakmilik atau kepentingan dan pemegangan yang serupa sebagaimana tanah, harta dan aset itu terletak hak atau dirizabkan sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa.

Kumpulan Wang Institut Teknologi MARA dan kumpulan wang rizab

8. (1) Segala wang yang terkandung dalam atau yang kena dibayar ke dalam Kumpulan Wang Institut Teknologi MARA yang ditubuhkan di bawah seksyen 24 Akta ibu hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa, dipindahkan ke dalam dan disifatkan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Universiti Teknologi MARA.

(2) Apa-apa harta lain kepunyaan Kumpulan Wang Institut Teknologi MARA sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa hendaklah menjadi, pada tarikh permulaan kuat kuasa, harta Kumpulan Wang Universiti Teknologi MARA.

(3) Segala wang yang terkandung dalam kumpulan wang rizab dan mana-mana kumpulan wang lain Institut Teknologi MARA hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa, dipindahkan ke dalam dan disifatkan menjadi sebahagian daripada kumpulan wang rizab atau mana-mana kumpulan wang lain Universiti Teknologi MARA.

Cawangan, kampus, Sekolah dan Pusat

9. Semua Cawangan, kampus, Sekolah dan Pusat Institut Teknologi MARA yang wujud sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa, disifatkan sebagai Cawangan, kampus, Sekolah dan Pusat Universiti Teknologi MARA.

Lembaga Pengarah dan Senat

10. (1) Lembaga Pengarah dan Senat Institut Teknologi MARA hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa, disifatkan sebagai Lembaga Pengarah dan Senat Universiti Teknologi MARA.

(2) Semua orang yang merupakan anggota Lembaga Pengarah dan anggota Senat Institut Teknologi MARA sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa, disifatkan sebagai anggota Lembaga Pengarah dan anggota Senat Universiti Teknologi MARA.

Penerusan perkhidmatan kakitangan, ejen, dll.

11. (1) Semua kakitangan yang dilantik atau diambil kerja oleh Institut Teknologi MARA sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa, disifatkan telah dilantik atau diambil kerja oleh Universiti Teknologi MARA atas terma dan syarat perkhidmatan yang tidak kurang baiknya daripada terma dan syarat perkhidmatan yang terpakai bagi mereka sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa.

(2) Jika perubahan dibuat pada dan selepas tarikh permulaan kuat kuasa berkenaan dengan syarat perkhidmatan kakitangan Universiti Teknologi MARA yang disifatkan di bawah subseksyen (1) telah diambil kerja oleh Universiti, mereka hendaklah diberikan suatu pilihan sama ada terus tertakluk kepada syarat perkhidmatan yang sedia ada atau tertakluk kepada syarat perkhidmatan yang baru.

(3) Semua ejen, penasihat teknik dan orang lain yang diambil kerja oleh Institut Teknologi MARA menurut seksyen 11 Akta ibu sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa, disifatkan telah diambil kerja oleh Universiti Teknologi MARA.

Pelajar Institut

12. Semua pelajar Institut Teknologi MARA yang mengikuti kursus pengajian secara sepenuh masa atau sambilan di Institut Teknologi MARA sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa, disifatkan sebagai pelajar-pelajar

Universiti Teknologi MARA yang mengikuti kursus pengajian yang sama seperti yang diikuti oleh mereka sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa.

Perubahan nama jawatan Rektor

13. (1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Rektor” di mana-mana jua terdapat, kecuali dalam seksyen 2 dan 3, dengan perkataan “Naib Canselor”.

(2) Segala sebutan mengenai Rektor Institut Teknologi MARA dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dalam apa-apa surat cara, surat ikatan, hakmilik, dokumen, bon, perjanjian atau perkiraan kerja yang wujud sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Naib Canselor Universiti Teknologi MARA.

(3) Perubahan nama jawatan itu tidaklah menyentuh apa-apa kuasa, hak, keistimewaan, tanggungan, kewajipan atau obligasi Rektor, atau menjadikan cacat apa-apa prosiding undang-undang oleh atau terhadapnya.

(4) Prosiding undang-undang yang boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Rektor sebelum tarikh permulaan kuat kuasa boleh diteruskan atau dimulakan atas nama Naib Canselor.

(5) Segala tanggungan yang sedia ada yang dilakukan oleh atau bagi pihak atau bagi maksud Rektor boleh, pada tarikh permulaan kuat kuasa, dikuatkuasakan terhadap Naib Canselor.

Seksyen baru 1A

14. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 1 seksyen yang berikut:

“Penubuhan 1A. Universiti Teknologi MARA ditubuhkan menurut dan mengikut peruntukan Perkara 153 Perlembagaan Universiti adalah menurut Persekutuan.”.

Perkara
153
Perlembagaan
Persekutuan.

Pindaan seksyen 2**15. Seksyen 2 Akta ibu dipinda—**

- (a) dengan memasukkan selepas takrif “Bendahari” takrif yang berikut:

‘ “Canselor” ertinya Canselor Universiti dan termasuklah mana-mana orang lain, dengan nama apa jua disebut, yang dilantik sebagai Ketua Universiti, dan “Pro-Canselor” hendaklah ditafsirkan sewajarnya;’;

- (b) dengan memasukkan selepas takrif “Menteri” takrif yang berikut:

‘ “Naib Canselor” ertinya Naib Canselor Universiti yang dilantik di bawah seksyen 20 dan termasuklah mana-mana orang lain, dengan nama apa jua disebut, yang dilantik sebagai ketua pegawai eksekutif Universiti, dan “Timbalan Naib Canselor” hendaklah ditafsirkan sewajarnya;’;

- (c) dalam takrif “pelajar”, dengan memasukkan selepas perkataan “mengikuti” perkataan “apa-apa jenis” dan dengan menggantikan perkataan “secara sepenuh masa atau sambilan” dengan perkataan “dari atau oleh atau”;

- (d) dengan memasukkan selepas takrif “Pengerusi” takrif yang berikut:

‘ “persatuan alumni” ertinya persatuan alumni, yang ditubuhkan di bawah seksyen 16B, bagi Institut Teknologi MARA dan Universiti;’; dan

- (e) dengan memotong takrif “Rektor”.

Pindaan seksyen 3**16. Seksyen 3 Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “an” yang terdapat selepas perkataan “established” dengan perkataan “a”;

- (b) dengan menggantikan perkataan “Rektor Institut yang dilantik di bawah seksyen 20 dan ahli-ahli” dengan perkataan “Canselor, Pro-Canselor, Naib Canselor dan anggota-anggota”; dan
- (c) dengan menggantikan perkataan “Institut Teknologi MARA yang ditubuhkan di bawah seksyen 13” dengan perkataan “dan Senat”.

Seksyen baru 3A

17. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 3 seksyen yang berikut:

“Ketak-pakaian Akta 30. 3A. Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 tidak terpakai bagi Universiti.”.

Pindaan seksyen 4

18. Subseksyen 4(1) Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (d), dengan memotong perkataan “atau di tempat lain”; dan
- (b) dalam perenggan (e), dengan menggantikan perkataan “dalam” dengan perkataan “dari atau oleh atau di”.

Pindaan seksyen 7

19. Subseksyen 7(1) Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “atau di tempat lain”.

Pindaan seksyen 13

20. Subseksyen 13(3) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “Lembaga” dan sebelum perkataan “hendaklah dibuat” perkataan “, kecuali Naib Canselor,”.

Pindaan seksyen 16A

21. Seksyen 16A Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (5) subseksyen yang berikut:

“(5A) Dalam masa ketiadaan Naib Canselor, seorang Timbalan Naib Canselor hendaklah mempengerusikan apa-apa mesyuarat Senat.”.

Seksyen baru 16B

22. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 16A seksyen yang berikut:

“Persatuan alumni. 16B. (1) Tertakluk kepada kelulusan Lembaga, maka adalah sah bagi tidak kurang daripada tiga puluh orang siswazah Institut Teknologi MARA dan siswazah Universiti membentuk dan menubuhkan persatuan alumni masing-masing.

(2) Setiap persatuan alumni hendaklah dikelolakan dan ditadbirkan mengikut perlembagaannya, dan perlembagaan yang dibuat sedemikian atau apa-apa pindaan kepada perlembagaan itu tidak boleh berkuat kuasa melainkan jika kelulusan bertulis Lembaga diperoleh terlebih dahulu.

(3) Sebutan dalam subseksyen (1) mengenai “Institut Teknologi MARA” ialah sebutan mengenai Institut Teknologi MARA yang wujud sebaik sebelum tarikh mula berkuatkuasanya seksyen ini.”.

Pindaan Bahagian IV dan seksyen baru 19A dan 19B

23. Bahagian IV Akta ibu dipinda dengan memasukkan sebelum seksyen 20 seksyen yang berikut:

“Canselor. 19A. (1) Maka hendaklah ada seorang Canselor yang hendaklah menjadi Ketua Universiti dan hendaklah apabila hadir mempengerusikan mana-mana Konvoquesyen dan hendaklah mempunyai apa-apa kuasa lain dan melaksanakan apa-apa kewajipan lain yang diberikan atau dikenakan ke atasnya oleh atau di bawah Akta ini.

(2) Canselor ialah Yang di-Pertuan Agong.

Pelantikan Pro-Canselor. 19B. (1) Canselor boleh melantik, atas nasihat Menteri, mana-mana orang menjadi Pro-Canselor sebagaimana yang difikirkannya sesuai.

(2) Jika kerana apa-apa sebab Canselor tidak dapat menjalankan mana-mana fungsinya di bawah Akta ini, dia boleh memberi kuasa mana-mana Pro-Canselor untuk menjalankan fungsi itu bagi pihaknya.

(3) Tiap-tiap Pro-Canselor hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang diperkenankan oleh Canselor.”.

Pindaan seksyen 20

24. Seksyen 20 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam teks bahasa Inggeris dalam subseksyen (7), dengan menggantikan perkataan “Rectors” dengan perkataan “Vice-Chancellors”;
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (7) subseksyen yang berikut:

“(7A) Mana-mana orang yang layak dan sesuai sama ada dari dalam atau luar Universiti boleh dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor, dan terma jawatan dan syarat perkhidmatan lain seseorang Timbalan Naib Canselor hendaklah ditentukan oleh Menteri selepas berunding dengan Naib Canselor.”; dan

- (c) dengan menggantikan subseksyen (8) dengan subseksyen yang berikut:

“(8) Jika bagi apa-apa tempoh yang lama Naib Canselor tidak dapat oleh sebab sakit, bercuti atau apa-apa sebab lain menjalankan mana-mana fungsi jawatannya, Timbalan Naib Canselor atau, jika ada lebih daripada seorang Timbalan Naib Canselor, mana-mana seorang daripada mereka yang dinamakan oleh Menteri hendaklah menjalankan fungsi itu, dan sekiranya Timbalan Naib Canselor atau semua Timbalan Naib Canselor (jika ada lebih daripada seorang) tidak ada atau hilang upaya, Menteri hendaklah membuat apa-apa perkiraan sementara sebagaimana yang difikirkannya patut bagi penjalanan fungsi itu.”.

Seksyen baru 29B

25. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 29A seksyen yang berikut:

“Konvo-
kesyen. 29B. (1) Konvokesyen bagi penganugerahan ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik lain hendaklah diadakan pada setiap tahun, atau seberapa kerap mengikut sebagaimana yang diarahkan oleh Canselor, pada tarikh yang diluluskan oleh Canselor.

(2) Jika Canselor tidak hadir atau jika Pro-Canselor yang diberi kuasa bagi maksud ini oleh Canselor tidak hadir, maka Naib Canselor hendaklah mempengerusikan sesuatu Konvokesyen.”.

Pengesahan perbuatan yang dilakukan dengan menjangkakan bahawa Akta ini akan diperbuat

26. Segala perbuatan dan benda yang dilakukan oleh mana-mana orang atau pihak berkuasa bagi pihak Universiti Teknologi MARA, termasuk melantik Canselor, Pro-Chancellor dan Naib Canselor dan mengadakan Konvokesyen dan menganugerahkan ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik lain atas nama Universiti, sebagai persediaan bagi dan ke arah pelaksanaan sepatutnya mana-mana peruntukan Akta ini, dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengannya, dengan menjangkakan bahawa Akta ini akan diperbuat hendaklah disifatkan telah diberi kuasa di bawah Akta ini, jika perbuatan atau benda yang dilakukan itu selaras dengan niat dan maksud am Akta ini, dan segala hak yang diperoleh dan obligasi yang ditanggung bagi pihak Universiti sebagai akibat pelaksanaan perbuatan atau benda itu, termasuk apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengannya, hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa, disifatkan sebagai hak dan obligasi Universiti.

Pencegahan anomali

27. (1) Menteri boleh, melalui perintah, membuat apa-apa ubahsuaian dalam peruntukan Akta ini yang didapatinya perlu atau suaimanfaat bagi maksud menghapuskan apa-apa kesulitan yang disebabkan oleh permulaan kuat kuasa Akta ini tetapi Menteri tidak boleh menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen ini selepas habis tempoh dua tahun dari tarikh Akta ini disiarkan.

(2) Dalam seksyen ini, “ubahsuaian” termasuklah pindaan, tambahan, pemotongan, penggantian, adaptasi, variasi, pengubahan dan ketakpakaian mana-mana peruntukan Akta ini.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Institut Teknologi MARA 1976 (“Akta 173”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan. Akta yang dicadangkan diberi tarikh kuat kuasa ke belakang.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk mentakrifkan istilah “tarikh permulaan kuat kuasa” yang bererti tarikh Akta yang dicadangkan akan mula berkuat kuasa.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk membuat pindaan am kepada Akta 173 dengan menggantikan perkataan “INSTITUT” dan “Institut” masing-masing dengan perkataan “UNIVERSITI” dan “Universiti”. Dengan pindaan ini, Akta 173 sekarang akan bernama “Akta Universiti Teknologi MARA 1976”. *Fasal 4* bertujuan untuk menyatakan bahawa segala sebutan mengenai nama lama dalam mana-mana undang-undang bertulis akan ditafsirkan sebagai sebutan mengenai nama baru.

5. *Fasal 5* bertujuan untuk memberi kesan kepada perubahan nama Institut. Institut sekarang akan dikenali sebagai “Universiti Teknologi MARA”. *Fasal* ini juga memperuntukkan bahawa kuasa, hak, keistimewaan, tanggungan, kewajipan dan obligasi Institut, dan prosiding undang-undang oleh atau terhadap Institut, tidak akan terjejas dengan perubahan nama Institut.

6. *Fasal 6* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa segala tanggungan yang sedia ada yang dilakukan oleh Institut boleh dikuatkuasakan terhadap Universiti.

7. *Fasal 7* memperkatakan peletakhakan tanah, harta dan aset Institut pada Universiti.

8. *Fasal 8* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pemindahan wang dan harta daripada Kumpulan Wang Institut Teknologi MARA kepada Kumpulan Wang Universiti Teknologi MARA. Pemindahan yang serupa juga diperuntukkan berhubung dengan wang yang terkandung dalam kumpulan wang rizab atau mana-mana kumpulan wang lain Institut.

9. *Fasal 9* memperuntukkan bahawa Cawangan, kampus, Sekolah dan Pusat Institut hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan, disifatkan sebagai Cawangan, kampus, Sekolah dan Pusat Universiti.

10. *Fasal 10* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan, Lembaga Pengarah dan Senat Institut hendaklah disifatkan sebagai Lembaga Pengarah dan Senat Universiti.

11. *Fasal 11* bertujuan untuk memastikan penerusan perkhidmatan kakitangan, ejen dan orang lain yang dilantik atau diambil kerja oleh Institut dengan Universiti dari tarikh Akta yang dicadangkan ini mula berkuat kuasa.

12. Melalui *fasal 12*, semua pelajar Institut disifatkan sebagai pelajar Universiti yang mengikuti kursus pengajian yang sama seperti yang diikuti oleh mereka sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

13. *Fasal 13* memperkatakan perubahan daripada Rektor kepada Naib Canselor. Sebutan mengenai Rektor Institut sekarang akan disifatkan sebagai sebutan mengenai Naib Canselor Universiti.

Fasal ini juga memperkatakan kuasa, hak, keistimewaan, tanggungan, kewajipan atau obligasi Rektor, dan prosiding undang-undang oleh atau terhadapnya, yang tidak terjejas dengan perubahan nama jawatan itu. *Fasal* ini juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa segala tanggungan yang sedia ada yang dilakukan oleh Rektor boleh dikuatkuasakan terhadap Naib Canselor.

14. *Fasal 14* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 1A ke dalam Akta 173 untuk memperuntukkan bahawa penubuhan Universiti adalah menurut dan mengikut Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.

15. *Fasal 15* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 173 untuk memasukkan takrif baru dan untuk meminda takrif tertentu yang digunakan dalam Akta 173, antara yang lebih penting adalah seperti yang berikut:

- (a) takrif "persatuan alumni" yang merujuk kepada persatuan alumni yang ditubuhkan di bawah seksyen 16B yang dicadangkan;
- (b) takrif "Canselor" sebagai Ketua Universiti;
- (c) takrif "pelajar" untuk merangkumi pelajar-pelajar pengajian jarak jauh dan pelajar-pelajar yang mengikuti kursus pengajian yang dijalankan oleh Universiti tidak di kampusnya tetapi di tempat-tempat di luar kampus; dan
- (d) takrif "Naib Canselor" untuk menggambarkan perubahan nama jawatan Rektor.

16. *Fasal 16* bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta 173 untuk memasukkan Canselor, Pro-Canselor dan Senat sebagai sebahagian daripada pertubuhan perbadanan, iaitu Universiti.

17. *Fasal 17* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 3A ke dalam Akta 173 untuk menyatakan dengan khusus bahawa Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 tidak akan terpakai bagi Universiti.

18. *Fasal 18* bertujuan untuk meminda perenggan 4(1)(d) Akta 173 untuk menghentikan kuasa Universiti untuk mendirikan, melengkapkan dan menyenggarakan perpustakaan, dewan kuliah, asrama dan bangunan lain di luar negara.

Fasal ini juga bertujuan untuk meminda perenggan 4(1)(e) Akta 173 bagi membolehkan Universiti mengurniakan *fellowship*, biasiswa, dsb., berkenaan dengan pendidikan dan latihan yang diadakan tidak sahaja di Universiti tetapi dari atau oleh Universiti.

19. *Fasal 19* bertujuan untuk meminda seksyen 7 Akta 173 yang berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada perenggan 4(1)(d) dalam *fasal 18*.

20. *Fasal 20* bertujuan untuk meminda seksyen 13 Akta 173 bagi maksud penjelasan.

21. *Fasal 21* bertujuan untuk meminda seksyen 16A Akta 173 untuk memasukkan subseksyen baru (5A) bagi membolehkan Timbalan Naib Canselor menguruskan apa-apa mesyuarat Senat semasa ketiadaan Naib Canselor.

22. *Fasal 22* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 16B ke dalam Akta 173. Seksyen baru ini memperkatakan penubuhan persatuan alumni.

23. *Fasal 23* bertujuan untuk memasukkan dua seksyen baru ke dalam Akta 173, iaitu seksyen 19A dan 19B. Seksyen 19A memperuntukkan bahawa Canselor Universiti ialah Yang di-Pertuan Agong manakala seksyen 19B memperkatakan pelantikan Pro-Canselor.

24. *Fasal 24* bertujuan untuk meminda seksyen 20 Akta 173 untuk memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang layak dan sesuai sama ada dari dalam atau luar Universiti boleh dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor. *Fasal* ini juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa semasa ketiadaan Naib Canselor, seorang Timbalan Naib Canselor yang dinamakan oleh Menteri hendaklah menjalankan fungsi Naib Canselor.

25. *Fasal 25* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 29B ke dalam Akta 173 untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan konvokesyen.

26. *Fasal 26* bertujuan untuk memastikan bahawa semua perbuatan dan benda yang dilakukan dalam menjangkakan bahawa Akta yang dicadangkan ini akan diperbuat akan disifatkan telah diberi kuasa oleh Akta yang dicadangkan.

27. *Fasal 27* bertujuan untuk membenarkan Menteri membetulkan apa-apa anomali dalam Akta yang dicadangkan melalui perintah. Kuasa ini hanya boleh dijalankan dalam tempoh dua tahun dari tarikh Akta ini disiarkan.

28. Pindaan-pindaan lain yang tidak disebut dengan khusus adalah pindaan-pindaan yang kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U²)2158]